

Avillion Cameron Highlands sasar 50,000 pengunjung

CAMERON HIGHLANDS 25 Jan. - Kumpulan Hotel Avillion menyasarkan dikunjungi 50,000 pelanggan untuk menginap di rangkaian hotel terbaharunya, Avillion Cameron Highlands sepanjang tahun ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amirul Baharom berkata, pihaknya optimis hotel yang terletak di Tanah Rata itu menjadi pilihan pengunjung bukan sahaja kerana lokasinya yang strategik, malah keadaan hotel baharu dengan menawarkan persekitaran bilik yang luas, selesa dan bersih, selain perkhidmatan terbaik kepada penginap.

Katanya, Avillion Cameron Highlands merupakan hotel kelima di bawah kumpulan itu selepas Avillion Port Dickson, Avillion Admiral Cove, Avillion Legacy Melaka dan Avillion Villa Cinta Bali.

"Avillion Cameron Highlands menawarkan 100 bilik dengan lima pilihan iaitu Superior Studio, Deluxe Studio, Two Bedroom Suite, Family Suite dan Two Bedroom Premium Suite dengan harga antara RM350 dan RM800 bagi semalaman.

"Selain itu, hotel ini juga menyediakan dua bilik mesyuarat yang boleh dijadikan lokasi

acara, taman permainan kanak-kanak dan gimnasium selain restoran yang akan dibuka nanti," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis prapelan-caran hotel tersebut di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Cameron Fair Hotel Sdn. Bhd, Datuk Lim Kek Seng dan Pengu-rus Hotel, Ab. Jalil Zai al Abidin.



AMIRUL BAHAROM

Mengulas lanjut Amirul berkata, meskipun kehadiran pelancong ke Cameron Highlands lebih didominasi oleh pelancong domestik, namun beliau melihat terdapat banyak potensi untuk menarik pelancong luar termasuk pengembara ke kawasan per-anginan itu.

Tambahnya, selain menjalin kerjasama dengan agensi pelan-congan pihaknya juga mempunyai pejabat di Singapura dan Hong Kong yang berperanan mempromosikan Cameron High-lands sebagai salah satu des-tinasi menarik untuk dikun-jungi.

"Avillion Cameron Highlands ini dibuka secara rasminya hari ini dan kita menjangkakan sehingga hujung tahun ini seramai 50,000 penginap akan berkunjung ke hotel ini," katanya.